



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KEMALANGAN MELIBATKAN MESIN BORING TUMBANG DI TAPAK PEMBINAAN BERHAMPIRAN IBU PEJABAT DAERAH (IPD) DANG WANGI, KUALA LUMPUR

Putrajaya, 7 Jun – Satu kemalangan melibatkan mesin *boring* tumbang di tapak pembinaan berhadapan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, Kuala Lumpur pada jam 5.05 petang semalam. Ketika kejadian, mesin *boring* dalam proses pemindahan lokasi aktiviti dan tumbang menghempap 4 kenderaan awam yang parker berhampiran lokasi kemalangan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) WP Kuala Lumpur telah mengeluarkan notis pemberhentian kerja ke atas aktiviti pembinaan dan menjalankan siasatan bagi mengenalpasti punca kejadian berlaku. Tindakan perundangan akan diambil sekiranya didapati terdapat pelanggaran peraturan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (1994) dan Akta Kilang dan Jentera (1967) ke atas pihak yang bertanggungjawab.

JKKP memandang serius setiap kemalangan yang berlaku terutamanya melibatkan pekerja, orang awam mahupun harta benda. Semua penggiat industri pembinaan digesa agar mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan.

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
7 Jun 2018**